

Rabu, 5 Oktober 2016

1. SPRM berkas pengarah, timbalan di Sabah



KERATAN *Utusan Malaysia* mengenai tangkapan kes rasuah sepanjang Ogos hingga September 2016.

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Memiliki aset dan wang tunai bernilai lebih RM100 juta! Mungkin ia perkara biasa bagi mereka yang berjaya dalam perniagaan, tetapi bagaimana jika ia kepunyaan pegawai kanan kerajaan yang hanya berjawatan pengarah atau timbalan pengarah?

Walaupun ia nampak mustahil tetapi itulah yang diberjaya dibongkar oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas mereka menahan dua pegawai kanan sebuah agensi kerajaan di Sabah, hari ini.

Lebih mengejutkan, dalam operasi khas di sebelah pagi, SPRM turut merampas wang tunai berjumlah RM15 juta di pejabat dan kediaman kedua-dua mereka. Bagaimanapun difahamkan jumlah keseluruhan wang tunai yang dirampas lebih besar hasil beberapa lagi serbuan selepas itu.

Menurut sumber, kedua-dua suspek yang berusia 51 dan 54 tahun dan ditahan pada pukul 9.15 pagi itu dipercayai hidup mewah dengan memonopoli dan memberi projek pembinaan infrastruktur asas bernilai lebih RM3.3 bilion oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2010 kepada ahli keluarga mereka.

"Kita juga sedang menyiasat aset-aset lain yang mungkin dimiliki atau mempunyai kaitan dengan suspek antaranya tanah, rumah dan bangunan," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Jelasnya, SPRM kini sedang memburu beberapa kontraktor yang dipercayai saudara mara kedua-dua suspek bagi membantu siasatan dan melakukan serbuan di beberapa tempat termasuk agensi terbabit dan syarikat kontraktor terlibat.

"Perbuatan mereka ini bukan sahaja menyalahi undang-undang tetapi menutup periuk nasi puluhan kontraktor lain yang langsung tidak diberikan peluang untuk memasuki tender agensi terbabit. "Mereka disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan Akta Pengubahan Wang Haram," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut tetapi enggan mengulas lanjut.



Isnin, 10 Oktober 2016

2. Klinik, balai polis baharu bernilai RM50j Tingkat perkhidmatan untuk penduduk setempat

KUALA KRAU 9 Okt. - Sebuah klinik kesihatan dan balai polis baharu yang dianggarkan bernilai RM50 juta akan dibina di parlimen ini bagi meningkatkan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat setempat.

Ahli Parlimen Kuala Krau, Datuk Ismail Mohamed Said berkata, pembinaan klinik kesihatan dan balai polis yang masing-masing bernilai RM30 juta dan RM20 juta itu dijangka bermula awal tahun depan.

"Kita sudah mengenal pasti tapak bersebelahan Taman Krau Indah untuk pembinaan kedua-dua bangunan baharu ini.

"Pembinaannya dapat memberi manfaat dan kemudahan kepada penduduk setempat," katanya selepas melawat tapak pembinaan klinik kesihatan dan balai polis baharu itu baru-baru ini.

Yang hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jenderak, Datuk Seri Mohamed Jaafar.

Menurut Ismail, pihak berkaitan sedang berusaha menyelesaikan aspek teknikal dan seliaan tapak sebelum pembinaan dapat dimulakan.

Beliau berkata, pembinaan klinik kesihatan baharu berkenaan amat perlu memandangkan yang sedia ada mengalami kerosakan akibat kejadian banjir besar pada 2014.

"Pembinaannya juga dapat memberikan keselesaan kepada masyarakat setempat yang kini terpaksa bersesak di klinik lama yang agak kecil," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa memberi keutamaan kepada keperluan masyarakat termasuk dalam aspek kesihatan dan keselamatan.

"Pelbagai infrastruktur dan kemudahan akan terus dibina bagi memastikan seluruh masyarakat mendapat nikmat daripada kemajuan negara," katanya.



Isnin, 10 Oktober 2016

3. Rasuah penjawat awam: Suspek pindah RM30 juta ke luar negara

KOTA KINABALU 10 Okt. - Pengarah dan timbalan pengarah agensi kerajaan yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyalah guna dana infrastruktur asas daripada kerajaan Pusat didapati telah memindahkan sebanyak RM30 juta wang ke dalam beberapa akaun bank milik mereka di tiga negara.

Menurut sumber, RM29 juta daripada wang itu adalah milik timbalan pengarah manakala RM1 juta dimiliki oleh pengarah berkenaan.

Sumber tersebut berkata, penilaian terhadap kesemua 127 geran tanah yang dirampas daripada timbalan pengarah itu oleh Jabatan Tanah dan Ukur pada hari ini pula mendapati nilai keseluruhannya adalah RM30 juta.

"Setakat ini SPRM telah merakam percakapan 40 individu berhubung kes tersebut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Jumlah RM60 juta nilai terbaharu aset itu menjadikan nilai keseluruhan aset termasuk wang tunai yang dirampas daripada kedua-dua suspek setakat ini adalah RM174.5 juta. - UTUSAN ONLINE

Isnin, 10 Oktober 2016

4. Cuepacs harap Jabatan Dietetik dan Sajian tidak diswastakan

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berharap sebarang cadangan untuk menswastakan Jabatan Dietetik dan Sajian di hospital kerajaan tidak akan dilaksanakan.

Presidennya, Datuk Azih Muda berkata terdapat desas-desus cadangan itu, dan jika ia dilaksanakan, ia akan memberi kesan kepada kebajikan lebih 2,000 pembantu penyediaan makanan dan pegawai dietetik di hospital kerajaan seluruh negara.

"Cuepacs bimbang suatu hari nanti sekiranya dasar penswastaan itu dilakukan, dapur-dapur di hospital kerajaan yang menyediakan makanan untuk pesakit akan diuruskan oleh pekerja asing.

"Ini juga akan meningkatkan kos bayaran di hospital dan akan membebankan pesakit terutamanya daripada golongan miskin," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas perjumpaan dan mesyuarat khas pembantu penyediaan makanan hospital Semenanjung Malaysia di Wisma Cuepacs, di sini hari ini.

Azih berkata, dasar penswastaan itu sekiranya dilaksanakan akan mengurangkan jumlah dan peluang rakyat yang mahu berkhidmat dalam sektor kerajaan.

Mengenai pembentangan Bajet 2017 minggu depan, Azih meminta kerajaan supaya mempertimbangkan perlindungan insurans kepada anggota penguat kuasa selain daripada tentera dan polis.

"Sudah sampai masanya anggota perkhidmatan awam lain yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan untuk mereka dilindungi insurans atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso)," katanya. - BERNAMA

Selasa, 11 Oktober 2016

5. 7 syarikat farmaseutikal disiasat

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang menyiasat tujuh syarikat melibatkan sektor farmaseutikal yang dipercayai melakukan kesalahan berkaitan Akta Persaingan 2010.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, kesemua syarikat tersebut dikenal pasti berdaftar di negara ini dan antara 11 kes yang turut dalam pemerhatian pihaknya.

Menurut beliau, sejak akta berkenaan mula dikuatkuasakan pada tahun 2012, sebanyak 31 aduan di-terima sehingga 7 Oktober lalu.

Sepanjang tempoh itu, beliau berkata, sebanyak 20 aduan sudah berjaya diselesaikan antaranya melibatkan kesalahan perlakuan kartel iaitu berkomplot untuk menetapkan harga, mengawal pengeluaran atau melakukan tipu bidaan.

"Sektor farmaseutikal ini adalah amat penting kepada soal kesihatan dalam negara. Sebab itu kita mahu lihat sektor ini yang melibatkan ubat-ubatan bukan sahaja dari segi keselamatan penggunaannya tetapi pengeluarannya pada harga mampu milik oleh rakyat."

"Apa sahaja jualan produk farmaseutikal ini walaupun telah melalui elemen kreativiti dan inovasi, tetapi yang penting adalah ia mengikut undang-undang terutama melibatkan Akta Persaingan kerana kita tidak mahu akhirnya ia mengundang masalah kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Forum Persaingan Undang-undang Dalam Sektor Farmaseutikal, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Jamil Salleh; Pengurus MyCC, Tan Sri Norma Yaakob dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abu Samah Shabudin.

Forum berkenaan dianjurkan untuk memberi kesedaran dan kefahaman berkaitan isu undang-undang persaingan dan meningkatkan kemahiran kepada pengawal selia dan pemain industri dalam mengenal pasti bukti-bukti berhubung perjanjian antipersaingan dan penyalahgunaan kuasa dominan dalam sektor tersebut.

Dalam pada itu, berucap pada majlis itu, Hamzah berkata, MyCC boleh memainkan peranannya bukan sahaja untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan tetapi menggalakkan persaingan wujud dalam sektor itu tanpa hanya dimonopoli oleh syarikat tertentu supaya harga ubat-ubatan terkawal.

Beliau berkata, situasi berkenaan banyak berlaku di pusat-pusat perubatan swasta kerana harga ubat-ubatan yang ditetapkan tidak dapat dikawal selia sebagaimana kerajaan yang telah diberikan subsidi dan mereka terpaksa bergantung sepenuhnya terhadap kuasa pasaran semasa.

"Ketiadaan kawalan kerajaan dalam industri ini telah membuka peluang kepada pihak pengeluar, pengedar dan peruncit menentukan harga ubat-ubatan.

"Oleh itu, pelaksanaan undang-undang persaingan adalah sangat penting untuk mewujudkan persaingan sihat demi mencegah amalan kartel dan manipulasi pasaran sehingga melucutkan kuasa pilihan pengguna di samping memberi kesan dalam kebijakan mereka," katanya.



Selasa, 11 Oktober 2016

6. Waktu kerja penjawat awam kekal seperti sekarang - KSN

PUTRAJAYA 11 Okt. - Waktu kerja bagi penjawat awam kekal seperti sekarang, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berhubung cadangan waktu bekerja selama enam jam sehari bagi perkhidmatan awam.

Beliau berkata, cadangan bekerja enam jam sehari yang dikemukakan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) itu sudah dikaji dan didapati mungkin mempunyai risiko 'menjejaskan' perkhidmatan awam.

Katanya, penekanan dalam perkhidmatan awam sekarang ialah untuk peningkatan produktiviti.

"Selepas kajian itu (dibuat), waktu kerja kekal seperti sekarang," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Persidangan Tahunan Agama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita), di sini hari ini.

Waktu bekerja bagi perkhidmatan awam sekarang adalah sembilan jam sehari. -

Selasa, 11 Oktober 2016

7. Audit, SPRM sertai projek lebih RM500j

PUTRAJAYA 11 Okt. - Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah bersetuju dengan cadangan agar kedua-dua agensi tersebut terlibat dalam projek kerajaan bernilai RM500 juta dan ke atas.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa ketika mengumumkan perkara itu berkata, berikutan persetujuan itu, satu jawatankuasa kerja akan diwujudkan bagi menggerakkan cadangan tersebut.

"Pihak Jabatan Audit Negara dan SPM sememangnya bersetuju untuk menyertai dan terlibat dalam projek-projek mega. Jadi, kita akan teruskan seperti apa yang dibincangkan.

"Sebenarnya, sejak dahulu sudah ada perkara seumpama ini tetapi cuma kita kali ini akan menguatkuasakannya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Makan Tengah Hari Persidangan Tahunan Agama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita), di sini hari ini.

Ali baru-baru ini mencadangkan projek kerajaan bernilai RM500 juta dan ke atas perlu melibatkan penyertaan Jabatan Audit Negara dan pihak SPM bagi membanteras penyelewengan dan rasuah.

Dalam pada itu, Ali memberitahu, kerajaan telah menaikkan gred pegawai kastam, Allahyarham Anisah Ali, 54, yang meninggal dunia ketika bertugas kelmarin daripada gred 22 kepada 26.

Beliau berkata, kenaikan posthumous itu adalah bagi memastikan tanggungan Allahyarham mendapat ganjaran menerusi gred baharu berkenaan.

"Sememangnya kita telah uruskan kenaikan gred Allahyarham iaitu dari gred 22 ke 26 jadi tanggungan beliau akan dapat ganjaran yang diberikan mengikut gred baharu," katanya.

Dalam kejadian pada 1.20 pagi itu, mangsa bersama dua lagi rakannya menaiki kenderaan pacuan empat roda ketika bertugas dirempuh sebuah kenderaan lain dipercayai tonto sebelum kenderaannya terbabas dan melanggar pokok.

Mangsa yang koma, meninggal dunia semalam akibat kecederaan dalam dan komplikasi usus selepas dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II di Kota Bharu, Kelantan.

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) semalam meminta kerajaan menimbangkan gred yang lebih tinggi kepada Allahyarham.

Ditanya berhubung cadangan agar waktu bekerja penjawat awam dikurangkan sehingga enam jam sehari, Ali berkata, perkara itu tidak akan dilaksanakan.



Rabu, 19 Oktober 2016

8. SPRM buru 10 penguatkuasa

Terima RM250 hingga RM350 sebulan lindungi sindiket curi pasir

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Mereka hanya menerima antara RM250 hingga RM350 sebulan, tetapi akibat perbuatan khianat yang dilakukan ia telah menyebabkan kerugian mencecah RM5.2 juta kepada kerajaan negeri Pahang.



Itulah yang dilakukan oleh 10 anggota penguat kuasa yang sanggup bersekongkol dengan sindiket mencuri pasir di negeri tersebut sejak 2014. Perbuatan jahat mereka didalangi oleh seorang penjawat awam berpangkat rendah di Pejabat Tanah dan Galian Daerah Temerloh yang menerima habuan sebanyak RM8,500 sebulan bagi melindungi kegiatan haram berkenaan.

Bagaimanapun perbuatan licik mereka berjaya dikesan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang kini memburu 10 penguat kuasa tersebut selepas menahan tiga orang termasuk penjawat awam berkenaan. Dua lagi ialah penyelia syarikat dan seorang pemandu lori.

"Penjawat awam tersebut ditahan kerana disyaki menerima rasuah daripada dua pengusaha pasir terbesar di Pahang bagi melindungi kegiatan mereka, manakala dua lagi ditahan terdiri daripada penyelia syarikat dan seorang pemandu lori yang telah menawarkan rasuah sebanyak RM500 bagi melepaskan enam buah lori yang ditahan semalam kerana mencuri pasir," kata sumber kepada Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Katanya, ketiga-tiga lelaki berusia antara 45 tahun sehingga 55 tahun itu ditahan dalam satu operasi bersepadu yang diketuai SPRM dengan kerjasama pasukan khas Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Putrajaya dan Pejabat Tanah dan Galian, Pahang di sekitar Temerloh, Pahang.

Sumber itu menjelaskan, kesemua penguat kuasa berkenaan dipercayai terlibat secara langsung melindungi sindiket tersebut dengan memastikan kelancaran perjalanan sesebuah lori mengangkut pasir dari Temerloh hingga ke Lembah Klang.

Menurut sumber itu lagi, bagi memberi isyarat kepada anggota penguat kuasa terlibat bahawa sesebuah lori tersebut telah membayar 'wang perlindungan' mereka diberi pelekat khas.

"Setiap lori terlibat akan membayar wang secara bulanan kepada sindiket sebelum mereka diberikan pelekat itu bagi memudahkan ia dikenal pasti oleh penguat kuasa yang bersubahat dengan kegiatan haram tersebut.

"Lori-lori yang berpelekat ini tidak akan ditahan jika ada sekatan jalan raya malah kenderaan itu juga tidak akan diperiksa walaupun membawa lebih muatan. Kesemua anggota penguatkuasa dan pengusaha-pengusaha pasir yang terlibat akan ditahan dalam masa terdekat ini," jelasnya.

Tambah sumber itu, aktiviti haram itu secara tidak langsung telah menjasakan 50 peratus daripada 200 penternak ikan air tawar di daerah berkenaan.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Penternak dan Peniaga Ikan Sangkar Temerloh, Khadir Ahmad ketika dihubungi berkata, kegiatan perlombongan pasir itu didakwa telah berlaku sejak 2010.

"Kegiatan itu bagaikan tiada penghujungnya kerana didapati masih berjalan sehingga hari ini," ujarnya.



Rabu, 19 Oktober 2016

9. Kerajaan belanja RM6,800 sejam untuk penggunaan helikopter

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Kerajaan membela jakan RM6,800 untuk tempoh sejam bagi penggunaan helikopter bagi tujuan pemindahan kecemasan pesakit yang berada di kawasan pedalaman.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, walaupun kos penggunaan helikopter itu tinggi kerajaan tidak akan berkompromi dengan soal kesihatan rakyat dan perkhidmatan kepada mereka akan diberikan tidak kira di mana berada.

"Kita ada 12 pasukan doktor udara di mana mereka ini diperlukan untuk sampai kepada pesakit di kawasan yang tidak dapat dilalui dengan bot.

"Bagi kes pemindahan kecemasan yang memerlukan penggunaan helikopter, kerajaan membela jakan RM6,800 sejam dan jika masa yang diambil empat jam RM26,000 dibelanjakan untuk satu kes,"

katanya ketika menjawab soalan tambahan daripada Datuk Seri Hasan Malek (BN-Kuala Pilah) di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Hilmi, sehingga kini terdapat 257 pakar perubatan keluarga yang sedang berkhidmat di klinik kesihatan seluruh negara dan Kementerian Kesihatan sedang berusaha untuk menambah bilangan pakar perubatan kesihatan itu memandangkan jumlah mereka masih belum mencukupi.

"Jumlah pakar perubatan untuk ditempatkan di klinik kesihatan ini perlu bagi menampung keperluan rakyat.

"Selain itu, ia juga mampu mengurangkan jumlah rujukan kes yang tidak wajar ke hospital dan mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan," jelasnya.

Tambah beliau, terdapat 995 klinik kesihatan tahap satu hingga tujuh di seluruh negara pada masa ini dan beberapa klinik desa telah dinaiktaraf menjadi klinik kesihatan yang mempunyai kelengkapan bagi merawat pesakit luar.

"Antara langkah untuk menambah baik prosedur rawatan ialah kita berusaha meningkatkan kemahiran petugas kesihatan di semua klinik kesihatan dan desa," jelasnya.

Dalam pada itu, Hilmi memberitahu, Kementerian Kesihatan juga bertindak menghantar doktor-doktor pakar ke hospital daerah yang memerlukan secara berjadual.

"Sebulan sekali kita akan hantar doktor pakar ini ke hospital daerah supaya mereka boleh menjalankan pembedahan di hospital berkenaan," jelasnya. - UTUSAN ONLINE



Isnin, 31 Oktober 2016

10. 1,037 pegawai kerajaan, GLC ditahan SPRM sejak 2014

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 1,037 pegawai kerajaan serta syarikat milik kerajaan (GLC) berikutan kesalahan rasuah dan pengubahan wang haram antara tahun 2014 sehingga September lepas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan berkata, mereka terdiri daripada 225 penjawat awam dan dua dari GLC yang ditahan pada 2014; 398 penjawat awam dan tujuh pegawai GLC (2015) serta 388 penjawat awam dan 17 pegawai GLC ditahan bagi tempoh Januari sehingga September lepas.

"Jumlah nilai suapan yang dirampas dan dibekukan pada 2014 adalah sebanyak RM113,436,354.80; 2015 (RM30,782,280.29) dan sehingga September 2016 jumlah yang telah dirampas dan dibekukan

adalah RM27,554,652.31," katanya dalam jawapan bertulis pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Seng Kuan menjawab soalan Tan Kok Wai (DAP-Cheras) mengenai bilangan pegawai kerajaan daripada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta GLC yang ditangkap oleh SPRM bagi kesalahan rasuah dan pengubahan wang haram setiap tahun mulai 2014 sehingga September 2016 dan jumlah nilai wang tunai, harta dan bentuk rasuah yang lain.

Dalam perkembangan lain, Seng Kuan berkata, kerajaan bersetuju dan menyokong cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) dan laporan itu akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (PAS-Marang) mengenai pelan tindakan pembiayaan politik berintegriti yang dirangka oleh JKNMPP.

Beliau berkata, jawatankuasa itu mengesyorkan sebanyak 32 cadangan yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu proses pelaksanaan, keperluan satu undang-undang baharu dan kandungannya, serta isu-isu yang lebih luas dan bersifat jangka panjang.

Dalam pada itu, Seng Kuan turut menjawab soalan daripada Idris Ahmad (PAS-Bukit Gantang) yang ingin tahu adakah wujud undang-undang yang menyatakan apabila wang suapan dikembalikan kepada pemberi rasuah, mereka terlibat dianggap sudah bersih daripada tuduhan rasuah.

"Merujuk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM), tidak wujud peruntukan yang menyatakan sekiranya wang suapan dikembalikan kepada pemberi rasuah maka penerima boleh dianggap telah bersih daripada tuduhan rasuah.

"Sekiranya tidak ada keterangan yang dapat membuktikan wang atau harta yang disita diperoleh melalui pelakuan rasuah, maka wang atau harta tersebut akan dikembalikan kepada pemunya," katanya. - BERNAMA